

## BACLOFEN

### A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Merawat kekejangan otot yang berlaku dalam pelbagai penyakit kecuali disebabkan penyakit Parkinson atau strok.

### B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini mengurangkan tekanan berlebihan dalam otot anda yang menyebabkan kekejangan dan kesakitan.

### C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

#### A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh diambil bersama-sama makan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama.



#### B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

#### C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

## D. PERINGATAN !!!



### ➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami penyakit buah pinggang, penyakit hati dan masalah jantung.
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan.

### ➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan.  
(contoh:cirit-birit).
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini.



Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk atau kurang daya tumpuan di kalangan sesetengah orang (elakkan memandu, mengendalikan jentera atau melakukan apa-apa yang mungkin merbahayakan).

# AMARAN !!

SEKIRANYA  
TANDA-  
TANDA INI  
BERLARUTAN  
SILA  
RUJUK  
DOKTOR

## E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Rasa mengantuk
- Pening
- Rasa loya dan muntah
- Mulut kekeringan
- Sakit kepala
- Sembelit
- Cirit-birit
- Deria rasa berubah
- Kerap buang air kecil

✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Kesukaran bernafas
- Lemah atau rasa mengantuk melampau
- Sawan

Rujukan:

- <https://www.drugs.com/baclofen.html> (accessed on 4/10/2021)
- Risalah maklumat ubat: Liobac ®

---

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains  
Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394

---